

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

4

KHAMIS, 15 OKTOBER 2020 BHM

## Nasional



Dr Noor Hisham Abdullah

### Bekas pesakit mungkin dijangkiti semula

**Putrajaya:** Bekas pesakit COVID-19 yang menghadapi kemerosotan antibodi selepas tempoh tiga bulan sembuh, mempunyai kebarangkalian dijangkiti semula.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata penyelidikan awal pihaknya terhadap satu kluster di Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor, mendapati kebanyakan individu yang pernah dijangkiti COVID-19 akan menunjukkan kemerosotan terhadap antibodi masing-masing selepas tempoh lapan minggu.

"Disebabkan itu, kita mahu lebih ramai bekas pesakit COVID-19 untuk tampil menyertai penyelidikan yang dilakukan bagi melihat sama ada antibodi mereka akan kekal atau merosot selepas menerima rawatan.

"Kita akan selidik, pengalaman mereka ketika menerima rawatan sebagai pesakit COVID-19 sebelum ini serta keberkesanan dan respon antibodi mereka. Sekiranya antibodi itu merosot dalam tempoh tiga bulan selepas mereka sembuh, pesakit berkenaan mungkin boleh dijangkiti semula.

"Selain itu, kita turut jalankan kajian lain mengenai kesan jangka panjang kepada bekas pesakit sama ada ia memberi kesan sampingan kepada organ selepas mereka sembuh atau sebaliknya," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Sebelum ini, Dr Noor Hisham dalam status Facebooknya menjemput rakyat Malaysia yang pernah dijangkiti COVID-19 untuk menyertai penyelidikan perubatan bagi mengetahui paras antibodi di dalam darah masing-masing.

"Sekumpulan penyelidik dari Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) di Institut Kesihatan Negara, Kementerian Kesihatan (KKM) menjemput rakyat Malaysia yang pernah dijangkiti virus COVID-19 untuk menyertai penyelidikan perubatan bertajuk Kajian Membujur (Longitudinal Study) tindak balas antibodi neutralisasi di kalangan pesakit COVID-19 di Malaysia.

"Penyelidikan ini sudah mendapat kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Perubatan (MREC) KKM (NM-RR-20-1676-55108)," katanya.



Pengarah Hospital Duchess of Kent, Dr Francis Paul memeriksa kemudahan disediakan di Kompleks Sukan Sandakan yang dijadikan wad tambahan bagi pesakit COVID-19 stabil. (Foto BERNAMA)

# Kes di Sabah terus tertinggi

## Peningkatan susulan keputusan sampel ujian diperolehi

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Sabah terus merekodkan jumlah kes tertinggi semalam apabila 65 peratus atau 429 daripada 660 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata peningkatan kes di negeri itu susulan aktiviti saringan yang giat dijalankan di lapangan dengan lebih banyak keputusan sampel ujian akan diperolehi.

Katanya, di Sabah sebanyak 197 kes dikesan hasil saringan kontak rapat kes positif COVID-19, diikuti 78 kes daripada kluster sedia ada dan 154 kes daripada lain-lain saringan.

"Selain Sabah, turut mencatat-

kan pertambahan kes tinggi adalah Kedah iaitu sebanyak 113 kes atau 17.1 peratus.

"Daripada jumlah itu, sejumlah 109 kes daripada Kluster Tembok membabitkan Penjara Alor Setar, Penjara Pokok Sena dan Penjara Sungai Petani.

"Pulau Pinang pula mencatatkan 17 kes daripada Kluster Penjara Reman dan Kluster Penjara Seberang Perai. Kes-kes ini sememangnya terasing di dalam penjara," katanya pada sidang media COVID-19, di sini, semalam.

Bagi negeri di Lembah Klang pula, Dr Noor Hisham memaklumkan ia merangkumi 11.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan semalam.

"Selangor mencatatkan sebanyak 68 kes iaitu 38 kes daripada kluster sedia ada, 18 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19, termasuk tiga kes mempunyai sejarah pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah).

"Empat kes daripada kluster baharu iaitu Kluster Kencana, tujuh kes daripada lain-lain saringan dan satu kes di kes pesakit Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI).

"Kuala Lumpur mencatatkan tujuh kes iaitu tiga kes daripada kluster sedia ada, dua kes daripada Kluster Kencana dan masing-masing satu kes daripada saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi iaitu Sabah dan kes saringan kontak rapat COVID-19," katanya.

Tujuh kes turut dikesan di Wilayah Persekutuan Labuan, diikuti Johor, Sarawak dan Perak masing-masing tiga kes, Melaka (dua) dan Negeri Sembilan (satu).

**Di Sabah sebanyak 197 kes dikesan hasil saringan kontak rapat kes positif COVID-19, diikuti 78 kes daripada kluster sedia ada dan 154, kes daripada lain-lain saringan.**

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, kes kematian disebabkan virus berkenaan terus meningkat dengan empat kes dilaporkan semalam, membabitkan beberapa daerah di Sabah.

Katanya, pertambahan kes kematian itu menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di negara ini sebanyak 167 kes atau satu peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Kes kematian ke-164 membabitkan kes ke-11,152 iaitu lelaki berusia 80 tahun dengan pesakit menghidap penyakit darah tinggi dan gout. Kes kematian ke-165 membabitkan wanita berusia 63 tahun yang mempunyai penyakit darah tinggi dan kecacing manis.

"Kes kematian ke-166 adalah wanita berusia 73 tahun dan menghidap darah tinggi, manakala kes kematian ke-167 pula wanita berusia 47 tahun juga menghidap darah tinggi," katanya.

Mengenai jumlah kes sembuh, Dr Noor Hisham berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, sebanyak 233 kes pulih dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih ialah sebanyak 11,605 kes bersamaan 66.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

## Kluster Kencana sudah jangkiti 17 individu

**Putrajaya:** Kluster baharu dikenali Kluster Kencana sehingga kini dikesan menjangkiti 17 individu di lapan daerah di Selangor, Kuala Lumpur dan Johor.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kluster Kencana dikesan di Hulu Langat, Petaling, Klang dan Gombak di Selangor, selain Cheras di Kuala Lumpur serta Johor Bahru, Batu Pahat dan Pontian di Johor.

Beliau berkata, kes indeks bagi kluster itu iaitu kes ke-13,805 di-

datapi positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 7 Oktober lalu dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh sebelum saringan kontak rapat mendapati 16 lagi kes positif COVID-19.

"Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam), sejumlah 23 individu sudah disaring dan daripada jumlah itu, 17 kes dikesan positif, manakala empat individu negatif dan dua individu masih menunggu keputusan," katanya pada sidang media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, per-

ambahan Kluster Kencana itu menjadikan jumlah kluster aktif COVID-19 adalah sebanyak 71.

Beliau berkata, susulan peningkatan jumlah kes dan kluster aktif, terdapat beberapa daerah di Semenanjung berubah menjadi Zon Kuning dan Merah.

Katanya, sehingga semalam, sebanyak 52 daerah dilaporkan menjadi Zon Kuning dan 19 daerah menjadi Zon Merah di seluruh Semenanjung.

"Pelbagai tindakan diambil Kementerian Kesihatan (KKM), mi-

salnya menjalankan pengesanan kes aktif, meneruskan aktiviti surveillance di klinik sentinel dan hospital, aktiviti pembersihan serta nyahkuman, selain meningkatkan ujian, pengesanan, pengasingan serta rawatan.

"KKM dengan kerjasama pelbagai agensi berusaha memberikan penjelasan, khidmat nasihat dan didikan kepada masyarakat agar terus membudayakan norma baharu agar kita dapat memutuskan rantaian penularan jangkitan di dalam komuniti," katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19



ORANG awam dilihat mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dengan memakai pelitup muka di tempat awam sebagai langkah pencegahan Covid-19 ketika tinjauan di Bandar Hilir, Melaka, semalam.

## Empat lagi kematian

660 kes baharu Covid-19 dilaporkan semalam, sama seperti kelmarin

Oleh Suraya Roslan dan Raja Noraina Raja Rahim  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tidak banyak berubah, malah angka terbaharu jangkitan Covid-19 diumumkan semalam, seolah-olah dalam kedudukan statik.

Ini terbukti apabila 660 kes baharu Covid-19 direkodkan semalam adalah jumlah sama berbanding kelmarin (660 kes) dan 563 kes pada Isnin lalu.

Jumlah terbaharu menja-

dikan jumlah kumulatif keseluruhan penularan wabak itu sebanyak 17,540 kes dengan empat kes kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada kes baharu dilaporkan itu, jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan Covid-19 adalah 5,768 kes.

Katanya, daripada jumlah kes baharu itu, kes penularan tempatan merekodkan 654 kes, selebihnya kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

"Daripada kes penularan tempatan, 608 kes memba-

bitkan warganegara manakala 46 bukan warganegara.

"Bagi kes import pula, dua membabitkan warganegara dan empat bukan warganegara iaitu dari Singapura (3 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur); Indonesia (2 kes daripada saringan kapal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) dan Filipina (1 kes daripada saringan kapal di Wilayah Persekutuan Labuan)," katanya dalam sidang media secara maya yang disiarkan di Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Sabah masih terus mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 429 kes (65 peratus) susulan aktiviti saringan dilakukan di lapangan.

Berhubung kes kematian, katanya, semua empat kematian dilaporkan di Sabah menjadikan jumlah kumulatif kes kematian meningkat 167 kes.

"Kes kematian ke-164 (kes ke-11,152) membabitkan lelaki berusia 80 tahun mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan gout dilaporkan meninggal dunia di Hospital Lahad Datu, Sabah," katanya.

## 222 Ahli Parlimen jalani ujian saringan

**Kuala Lumpur:** Semua Ahli Parlimen perlu menjalani ujian Covid-19 terlebih dahulu sebagai langkah pencegahan dalam memastikan persidangan Dewan Rakyat yang dijadual bermula 2 November depan berlangsung dalam keadaan selamat.

Berdasarkan surat dikeluarkan Dewan Rakyat yang ditandatangani Setiausahaanya, Nizam Mydin Bacha Mydin, semua 222 Ahli Parlimen disediakan kemudahan bagi menjalani ujian Covid-19

itu akan diadakan secara pandu lalu di laluan letak kereta blok utama Parlimen dari jam 9 pagi hingga 5 petang.

Berdasarkan surat itu, ujian Covid-19 terbabit adalah wajib dan kegagalan berbuat demikian atau jika didapati positif, mereka tidak akan dibenarkan menghadiri persidangan Dewan Rakyat itu kelak.

"Bagi Yang Berhormat (Ahli Parlimen) dari Sabah, ujian Covid-19 dan kuarantin perlu dibuat ber-

dasarkan surat itu pada 30 Oktober ini

di Parli-

men.

Ujian Covid-19

Ujian Covid-19 akan diadakan secara pandu lalu

daripada Setiausaha Dewan Rakyat pada 9 Oktober lalu," katanya.

## Jais tangguh solat Jumaat, aktiviti masjid

**Shah Alam:** Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menangguhkan solat Jumaat, solat lima waktu berjemaah dan lain-lain aktiviti pengimarahannya di seluruh masjid serta surau di Selangor dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai semalam hingga 27 Oktober ini.

Pengarahnya Mohd

Shahzihan Ahmad berkata, Jais membuat keputusan dan menetapkan bagi semua pentadbir masjid serta surau seluruh Selangor untuk menangguhkan semua aktiviti itu.

"Penangguhan ini akan membabitkan 425 masjid, 278 surau kebenaran solat Jumaat dan 1,747 surau," katanya.

## MSWP teruskan operasi seperti biasa

**Kuala Lumpur:** Semua Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP) beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya mulai semalam hingga 27 Oktober ini.

Menurut kenyataan media dikeluarkan Pejabat Ketua Hakim Syariah MSWP semalam, pelanggan yang hadir untuk prosiding kes atau mendaftarkan kes baharu atau apa-apa urusan lain di MSWP perlu memeriksa suhu dan bacaan suhu di bawah 37.5°C sahaja dibenarkan meneruskan urusan.

Maklumat lanjut berhubung operasi MSWP akan sentiasa dikemas kini dalam laman Facebook rasmi MSWP dan sebarang pertanyaan boleh dibuat dengan menghubungi pegawai khidmat pelanggan di talian 03-62057000. -Bernama.

## Ambil 200 sampel

**Nibong Tebal:** Semua banduan di Penjara Seberang Perai di sini, akan menjalani ujian saringan secara berperingkat susulan tiga banduan yang dimasukkan ke penjara itu dua minggu lalu disahkan positif Covid-19.

Ketika ini, 200 sampel diambil petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan proses itu akan berlanjutan sehingga selesai.

Pengarah Penjara Pulau

Pinang, Roslan Mohamed berkata, Penjara Seberang Perai menempatkan lebih 2,000 banduan yang kesemuanya akan menjalani ujian saringan Covid-19.

"Susulan kejadian tiga banduan positif Covid-19, kita memohon KKM supaya menjalankan ujian saringan terhadap semua banduan sebagai langkah keselamatan awal untuk pencegahan wabak ini," katanya.

## Satu kluster, tiga negeri

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan satu lagi kluster baharu yang menjangkiti 17 individu dari lapangan daerah di tiga negeri.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Kluster Kencana dikesan di daerah Hulu Langat, Petaling, Klang dan Gombak di Selangor; Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Johor Bahru,

Batu Pahat dan Pontian di Johor.

"Kes indeks bagi kluster ini (kes ke-13,805) dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 7 Oktober lalu dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh (HSB).

"Saringan kontak rapat mengenal pasti 16 lagi positif Covid-19," katanya dalam sidang media secara maya yang disiarkan di Facebook KKM, semalam.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : COVID-19

## Mangsa dipelawa sertai penyelidikan

**Putrajaya:** Rakyat Malaysia yang pernah dijangkiti Covid-19 dijemput menyertai penyelidikan perubatan bagi mengetahui paras antibodi di dalam darah.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, penyelidikan itu penting bagi mengetahui tahap antibodi neutralisasi atau imuniti di dalam darah yang boleh menghalang virus Covid-19 daripada menjangkiti semula individu berkenaan.

“Penyelidik dari Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) di Institut Kesihatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjemput rakyat Malaysia yang pernah dijangkiti virus Covid-19 untuk menyertai penyelidikan perubatan bertajuk Kajian Membujur (Longitudinal Study) tindak balas antibodi neutralisasi di kalangan pesakit Covid-19 di Malaysia.

“Penye-

lidikan ini mendapat kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Perubatan (MREC) KKM (NM-RR-20-1676-55108),” katanya di Facebook beliau semalam.

Keterangan lanjut boleh diperoleh dengan menghubungi Dr Rafiza Shaharudin di talian 03-33627753 atau hantarkan e-mel ke rafi-za.s@moh.gov.my.

Boleh juga menghubungi Dr Masita Arip di talian 03-33627735 atau e-mel ke masita.a@moh.gov.my.

Kelmarin, Dr Noor Hisham memaklumkan, 350 kes sembuh menjadikan ia jumlah tertinggi pernah dicatatkan sejak permulaan penularan Covid-19 di negara ini.

Ia menjadikan jumlah kumulatif kes yang sembuh sepenuhnya daripada jangkitan Covid-19 11,372 kes atau 67.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.



DR Noor Hisham

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : LOKAL

Oleh Raja Noraina  
Raja Rahim  
rnoraina@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

Dua produk yang dilaporkan ditarik balik berikutan pengesanan bahan impuriti *N-Nitrosodimethylamine* (NDMA) melebihi had ditetapkan tidak dibekalkan di fasiliti kesihatan negara ini.

Dua produk itu adalah *Metformin Hydrochloride Extended-Release Tablets USP 500mg* dan *Metformin Hydrochloride Extended-Release Tablets USP 750mg*.

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Datin Dr Faridah Aryani Md Yusof berkata, kedua-dua produk itu tidak berdaftar di Malaysia, sekaligus tidak dibekalkan di fasiliti kesihatan negara ini.

"Hanya produk *metformin* yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sahaja yang dibenarkan dibekalkan kepada

# Produk bahaya tiada di Malaysia

## Dua ubat kencing manis mengandungi NDMA melebihi had tidak didaftarkan di negara ini

pesakit diabetes di Malaysia.

"Sebanyak 68 produk *metformin* berdaftar dengan PBKD dan berada di pasaran menjalani pengujian impuriti NDMA. Semua produk berkenaan tidak mengandungi NDMA atau melebihi had impuriti NDMA," katanya dalam kenyataan, semalam.

Terdahulu, CNN pada 9 Oktober lalu melaporkan dua produk merawat diabetes ditarik balik berikutan pengesanan bahan

impuriti NDMA melebihi had ditetapkan menerusi artikel bertajuk *A diabetes drug has been recalled because it contains high levels of cancer causing agent*.

Mengulas lanjut, Dr Faridah berkata, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) akan memanggil balik kelompok produk *metformin* daripada pasaran sekiranya mempunyai impuriti NDMA melebihi had.

Katanya, NDMA adalah impuriti daripada kumpulan *nitrosami-*

*ne* yang biasa ditemui pada paras rendah seperti dalam makanan dan minuman tertentu, pencemar udara serta hasil daripada proses pengilangan tertentu.

"Berdasarkan Agensi Antarabangsa bagi Penyelidikan Kanser (IARC), NDMA boleh meningkatkan risiko kanser kepada pengguna dalam jangka masa panjang," katanya.

Justeru, katanya, KKM sentiasa menjalankan pemantauan mutu produk berdaftar dan farmakovigilans bagi memastikan kualiti, keselamatan serta keberkesanan ubat-ubatan terjamin.

Sebanyak 68 produk  
*metformin* berdaftar  
dengan PBKD



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : DALAM NEGERI

# Covid-19

UTUSAN MALAYSIA  
KHAMIS • 15 OKTOBER 2020

7

## Dalam Negeri

HARIAN	Kes baharu	Tempatan 654 Import 6	Mati	Sembuh	Aktif	STATISTIK KES COVID-19 	KESELURUHAN	Jumlah Keseluruhan	Jumlah Sembuh	Jumlah kematian
	660		4	233	5,768			17,540	11,605	167

# 4 kematian, 660 kes baharu

Oleh HASIF IDRIS

utusannews@mediamula.com.my

**PUTRAJAYA:** Kes positif Covid-19 mencatatkan peningkatan kes yang sama seperti semalam iaitu 660 kes dengan empat kematian serta satu kluster baharu.

Sabah masih mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 429 kes (65 peratus) diikuti Kedah sebanyak 113 kes (17.1 peratus) dengan 109 kes adalah daripada Kluster Tembok melibatkan Penjara Alor Setar, Penjara Pokok Sena dan Penjara Sungai Petani.

Sebanyak 17 kes direkodkan di Pulau Pinang berpunca daripada Kluster Penjara Reman dan Kluster Penjara Seberang Perai yang terasing daripada masyarakat setempat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kawasan Lembah Klang pula merangkumi 11.5 peratus daripada jumlah keselu-



NOOR HISHAM ABDULLAH

ruhan kes, iaitu Selangor (68); Kuala Lumpur (7) dan Putrajaya (1).

“Daripada 660 kes baharu yang dilaporkan, enam daripadanya adalah kes import yang mendapat jangkitan dari Singapura (3), Indonesia (2) dan Filipina (1).

“Daripada 654 kes penularan

dalam negara, sebanyak 608 kes adalah rakyat tempatan manakala 46 kes bukan warganegara,” katanya dalam laporan harian Covid-19 di sini semalam.

Beliau berkata, kes kematian semalam melibatkan tiga perempuan dan seorang lelaki dan kesemuanya berlaku di Sabah, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 adalah sebanyak 167 kes.

Menurut Dr. Noor Hisham, satu kluster baharu yang dikenal pasti adalah Kluster Kencana melibatkan daerah Hulu Langat, Petaling, Klang dan Gombak di Selangor; Cheras di Kuala Lumpur serta Batu Pahat dan Pontian di Johor Bahru.

“Kes indeks bagi kluster ini iaitu kes ke-13,805 dikenal pasti positif hasil saringan individu bergejala pada 7 Oktober lalu dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat mengenal pasti 16 lagi kes positif sekali gus menjadikan 17

kes baharu,” katanya.

Beliau malah memberitahu, pihak Kementerian Berjaya menamatkan 103 kluster daripada 174 kluster pandemik Covid-19 dengan 71 kluster dilaporkan masih aktif.

Katanya, berikutan daripada peningkatan jumlah kes dan kluster yang aktif itu, terdapat beberapa daerah di Semenanjung yang berubah menjadi zon kuning dan merah.

“Sehingga hari ini (semalam), sebanyak 52 daerah yang dilaporkan menjadi zon kuning dan 19 daerah pula menjadi zon merah di seluruh kawasan Semenanjung.

“Pelbagai tindakan diambil misalnya menjalankan Pengesanan Kes Aktif (ACD), meneruskan aktiviti-aktiviti surveilans di klinik-klinik sentinel dan hospital, aktiviti pembersihan dan nyahkuman serta meningkatkan ujian, pengesanan, pengasingan dan rawatan,” jelasnya.



KHAIRY JAMALUDDIN

## Pasukan khas jamin bekalan vaksin ditubuhkan

**PUTRAJAYA:** Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 akan ditubuhkan bagi memastikan bekalan vaksin wabak itu dapat diperolehi dengan kadar segera, selamat dan sempurna.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin berkata, selain beliau, Jawatankuasa Khas itu akan diketuai secara bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba bagi tujuan menyediakan rangka kerja dan pelan perolehan serta pengagihan vaksin Covid-19 apabila ia diluluskan untuk kegunaan di negara ini.

Menurut beliau, beberapa jawatan kuasa kecil (JKK) akan diwujudkan menerusi jawatan kuasa itu dengan skop tugas seperti pemilihan vaksin, komunikasi, pendaftaran dan kelulusan, trade facilitation, kewangan, penstoran, logistik dan pengangkutan.

“Pengagihan vaksin akan turut dibentuk menteri pelbagai kementerian dan agensi bagi memudahkan cara dan mempercepatkan pelaksanaan tugas ini.

“Keputusan penubuhan Jawatankuasa Khas ini adalah penting bagi memastikan persediaan awal yang rapi dibuat sebelum bekalan vaksin diterima untuk kegunaan seluruh rakyat Malaysia,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEGARA

4

Negara!



Covid-19 #kitamestimenang

Kosmo! KHAMIS 15 OKTOBER 2020

52 daerah jadi zon kuning, 19 jadi zon merah di Semenanjung

## Sabah catat 429 kes, 4 mati

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Sabah kekal mencatatkan angka tertinggi iaitu 429 kes daripada 660 kes semalam dengan empat kematian dilaporkan di negeri itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada angka kes harian itu, sebanyak 654 kes penularan tempatan, manakala enam kes import dari Singapura, Indonesia dan Filipina.

Menurutnya, kluster baharu yang dilaporkan ialah Kluster Kencana dikenal pasti di Hulu Langat, Petaling, Klang dan Gombak, Selangor; Cheras, Kuala Lumpur; serta Johor Bahru, Batu Pahat dan Pontian, Johor.

"Kes indeks kluster ini iaitu lelaki berusia 58 tahun di Hulu Langat dikenal pasti positif hasil saringan individu bergejala pada 7 Oktober lalu dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

"Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 16 lagi kes positif selepas saringan dijalankan terhadap 23 individu dengan empat kes adalah negatif, manakala dua lagi masih menunggu keputusan," katanya pada sidang akhbar secara sidang video menerusi Facebook Kementerian Kesihatan di sini semalam.

Noor Hisham berkata, daripada 70 kluster aktif di negara ini, sebanyak 28 kluster merekodkan pertambahan kes semalam termasuk daripada Kluster Kencana.

Katanya, kluster lain yang mencatatkan pertambahan ialah Kluster Tembok (109), Ramai-Ramai (39), Tujuh Serangkai (24), Penjara Reman (11), Bah Manggis (10), Simer (sembilan), Penjara Seberang Perai (enam), Utama dan Bina (masing-masing lima).

"Seterusnya, Tasik (empat), Benteng LD, Jalan Meru, Bah



DUA anggota Polis Bantuan Keretapi Tanah Melayu Berhad menggunakan topi pengesan suhu badan untuk memeriksa suhu badan penumpang. – SHIDDIQIN ZON

Tropicana, Sungai Way dan Seri Anggerik (masing-masing tiga) serta Laut, Benteng PK, Bah Kenangan, Bah Rose dan Kolong (masing-masing dua).

"Kluster lain iaitu Pulau, Bestari, Baiduri, Selasih, Bah Ketil, Jalan Pantai dan Jalan Bomba masing-masing merekodkan satu kes baharu," katanya.

Berhubung kematian baharu, beliau berkata, empat kes tersebut dilaporkan di Sabah melibatkan seorang lelaki dan tiga wanita termasuk seorang warga asing.

"Kes ke-164 melibatkan lelaki berusia 80 tahun mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan gout meninggal dunia di Hospital Lahad Datu, manakala satu lagi kes kematian melibatkan wanita berusia 63 tahun

dengan penyakit darah tinggi dan kencing manis di Hospital Queen Elizabeth.

"Kematian ke-166 pula melibatkan wanita berusia 73 tahun dengan sejarah penyakit darah tinggi di Hospital Duchess of Kent dan kematian ke-167 melibatkan wanita warga asing berusia 47 tahun di hospital sama dengan latar belakang penyakit darah tinggi," katanya.

Noor Hisham berkata, sejak kebelakangan ini, terdapat peningkatan jumlah kluster baharu dilaporkan terutama di Semenanjung Malaysia di samping peningkatan kes daripada kluster sedia ada.

"Sehingga hari ini (semalam), sebanyak 52 daerah yang dilaporkan menjadi zon kuning dan se-

banyak 19 daerah telah menjadi zon merah di seluruh Semenanjung.

"Justeru, pelbagai tindakan diambil Kementerian Kesihatan misalnya dengan menjalankan Active Case Detection (ACD), meneruskan pengawasan di klinik sentinel dan hospital, aktiviti pembersihan dan nyah kuman serta meningkatkan ujian, pengesanan, pengasingan dan rawatan.

"Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pelbagai agensi berusaha memberikan penjelasan, khidmat nasihat dan didikan kepada masyarakat supaya terus membudayakan norma baharu kehidupan agar kita dapat memutuskan rantaian penularan jangkitan di dalam komuniti," katanya.



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	660
• Import: 6	Tempatan: 654
• Pulih	233
• Kematian	4
• Masih dirawat	5,768
• Jumlah kes sembuh	11,605
• Jumlah Kematian	167
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>17,540</b>

## Khairy Jamaluddin, Adham Baba ketuai jawatankuasa vaksin

**PUTRAJAYA** – Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 akan ditubuhkan bagi memastikan bekalan vaksin dapat diperolehi dengan kadar segera, selamat dan sempurna.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, penubuhan jawatankuasa itu dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri yang berlangsung semalam.

Beliau sendiri akan mengetuai jawatankuasa khas itu secara bersama dengan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba bagi tujuan menyediakan rangka kerja dan pelan perolehan serta pengagihan vaksin Covid-19 apabila diluluskan.

"Menerusi jawatankuasa itu, beberapa Jawatankuasa Kecil (JKK) dengan skop tugas akan turut dibentuk merentasi pelbagai Kementerian dan agensi bagi memudah cara dan mempercepatkan pelaksanaan tugas ini.

"Skop tugas JKK termasuklah pemilihan vaksin, komunikasi, pendaftaran dan kelulusan, kewangan, penstoran, logistik dan pengangkutan serta pengagihan vaksin," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Penubuhan jawatankuasa khas itu penting bagi memastikan persediaan rapi sebelum bekalan vaksin diterima.

## Bekas pesakit boleh dijangkiti semula

**PUTRAJAYA** – Kajian awal yang dijalankan penyelidik Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Kementerian Kesihatan (KKM) terhadap satu kumpulan pesakit Covid-19 dari Kluster Kampung Sungai Lui sebelum ini mendapati antibodi pesakit berkurangan selepas tempoh lapan minggu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, menerusi kajian itu, darah pesakit diambil serta akan digunakan untuk melihat ujian kekebalan antibodi dalam tubuh

seorang sama ada merosot selepas tiga bulan atau sebaliknya.

"Sekiranya merosot selepas tiga bulan, berkemungkinan dia boleh dijangkiti semula," katanya pada sidang akhbar secara sidang video menerusi Facebook Kementerian Kesihatan di sini semalam.

Pada masa sama, beliau berkata, kajian juga untuk melihat kesan jangka panjang pada organ tertentu sama ada wujud kesan sampingan dan sebagainya terhadap mereka yang pernah di-

jangkiti Covid-19.

Katanya, kajian bertajuk *Kajian Membujur Tindak Balas Antibodi Neutralisasi* dalam kalangan pesakit Covid-19 di Malaysia itu penting untuk melihat paras antibodi selain kesan jangka panjang terhadap pesakit tersebut.

Noor Hisham memaklumkan, penyelidik IMR di Institut Kesihatan Negara itu turut menjemput rakyat Malaysia yang pernah dijangkiti Covid-19 untuk menyertai penyelidikan perubatan dijalankan pihak tersebut.

Ini penting bagi mengetahui paras antibodi neutralisasi (imunitt) di dalam darah yang boleh menghalang virus Covid-19 daripada menjangkiti pesakit yang pernah dijangkiti sebelum ini.

Sebagai rekod, sebanyak 11,605 pesakit Covid-19 telah pulih termasuk 233 semalam sejak permulaan pandemik di negara ini.

Kelmarin, negara merekodkan jumlah sembuh paling tinggi dengan 350 kes membabitkan pandemik tersebut.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • KHAMIS 15 OKTOBER 2020

MEMERANGI WABAK COVID-19



9

# Lagi kluster baharu

Kluster Kencana melibatkan kes di Selangor, Kuala Lumpur dan Johor

TUAN BUQHAIRAH  
TUAN MUHAMMAD  
ADNAN

PUTRAJAYA

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesakan satu lagi kluster baharu Covid-19 iaitu Kluster Kencana melibatkan Selangor, Kuala Lumpur dan Johor. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes indeks iaitu kes ke-

13,805 telah dikenal pasti positif hasil saringan individu bergejala pada 7 Oktober dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. "Kluster Kencana ini dikenal pasti melibatkan daerah Hulu Langat, Petaling, Klang dan Gombak di Selangor, Cheras, Kuala Lumpur serta Johor Bahru, Batu Pahat dan Pontian di Johor," katanya pada sidang media secara maya mengenai perkembangan Covid-19 semalam. Menurutny, saringan kontak rapat terhadap 23 individu mendapati 16 lagi turut positif Covid-19. Sementara itu, beliau berkata, Malaysia semalam mencatatkan 660 kes baharu dan empat kematian. "Empat kematian itu

### Kes Kematian Baharu COVID-19 Di Malaysia

No. Kes	Jantina	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
164	Lelaki	80	Hospital Lebah Daku	Mempunyai Penyakit darah tinggi, dan gout.
165	Perempuan	63	Hospital Queen Elizabeth	Mempunyai Penyakit darah tinggi, dan diabetes.
166	Perempuan	73	Hospital Guchem of Kent	Mempunyai Penyakit darah tinggi.
167	Perempuan	47	Hospital Durheim of Kent	Mempunyai Penyakit darah tinggi.

**167 Kematian**  
(Kadar kematian 0.96%)  
Setakat 14 Oktober 2020


Sumber: CPIC/Kementerian KKM

melibatkan seorang lelaki dan tiga wanita berusia antara 47 hingga 80 tahun. "Mereka meninggal dunia di tiga hospital berasingan di Sabah mempunyai latar belakang penyakit lain seperti darah tinggi, kencing manis dan gout. "Sabah masih terus mencatatkan kes harian tertinggi dengan 429 kes iaitu sebanyak 65 peratus," kata beliau.

## 11 anggota polis kuarantin

**KUALA LUMPUR** - Seramai 11 anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cheras kini menjalani kuarantin sendiri selama 14 hari. Ia susulan seramai 19 anggota polis di IPD terbabit yang disahkan positif Covid-19. Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Saiful Azly Kamaruddin berkata, pihaknya kini sedang menunggu keputusan ujian saringan daripada pegawai kesihatan. "Kesemua 11 anggota terbabit kini diarahkan untuk kuarantin sendiri di rumah. "Bagaimanapun, operasi balai dan IPD masih berjalan seperti biasa dengan mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam. Terdahulu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, seramai 19 individu yang dikesan positif dalam Kluster Baiduri di Cheras adalah anggota polis. Susulan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan siasatan mengenai punca jangkitan terbabit. KKM kini sedang menjalankan pengesanan kes aktif dalam kalangan individu yang mempunyai kontak dengan individu positif itu. Setakat semalam, seramai 42 individu sudah disaring tetapi punca jangkitan masih dalam siasatan.

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM





AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
 MUKA SURAT : 3  
 RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

THURSDAY, OCTOBER 15, 2020 . NewStraitsTimes

## Story of the day / NEWS | 3

# New Kencana cluster identified

**KUALA LUMPUR:** The Health Ministry has identified one new Covid-19 cluster linked to patients in the Klang Valley and Johor, as Malaysia recorded 660 new cases yesterday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the Kencana cluster involved various Selangor districts, namely Hulu Langat, Petaling, Klang and Gombak, Cheras, Kuala Lumpur, as well as Johor Baru, Batu Pahat and Pontian districts in Johor.

He said the index patient (Case 13,805) tested positive for Covid-19 following screening on symptomatic individuals on Oct 7 and was admitted to Sungai Buloh Hospital.

"Close contact screening found 16 more positive Covid-19 cases. A total of 23 people have been screened up to noon Oct 14, with 17 found positive, four negative and two are awaiting results," he said on the Health Ministry's Facebook live stream yesterday.

He said the cumulative Covid-19 cases in the country stood at 17,540.

Dr Noor Hisham said there were 5,768 active cases, who had been isolated and were undergoing treatment.

Sabah recorded the highest number, with 429 new Covid-19 cases (65 per cent), he said.

He said Kedah recorded 113 new Covid-19 cases (17.1 per cent), where 109 were detected in the Tembok cluster (Alor Star, Pokok Sena and Sungai Petani prisons), while Penang reported 17 cases from the Remand Prison and Seberang Perai prison clusters.

New Covid-19 cases in the Klang Valley account for 11.5 per cent of the overall daily number, namely, Selangor (68 cases), Kuala Lumpur (seven cases) and Putrajaya (one case).

Dr Noor Hisham said from the 660 new cases, six were imported (two Malaysians and four foreigners) and were detected in Kuala

Lumpur (three cases arrived from Singapore), two cases detected through a vessel sign-on screening in Kuala Lumpur (arrived from Indonesia) and one case was detected through a vessel sign-on screening in Labuan (arrived from the Philippines).

"From the 654 local transmissions, 608 are Malaysians and 46 foreigners," he said.

He said 108 patients were currently in Intensive Care Units, with 35 on ventilator support.

A total of 233 more Covid-19 recovered patients were discharged yesterday, he said.

The number of patients who have fully recovered as of noon yesterday stood at 11,605 or 66.2 per cent of the cumulative confirmed cases of Covid-19.

"Meanwhile, four new deaths were reported to the Crisis Preparedness and Response Centre, and the death toll stood at 167 (one per cent of the cumulative cases)," he said.



A Duchess of Kent Hospital official inspecting the beds set up at the Sandakan Sports Complex to be used as an additional Covid-19 ward in Sandakan yesterday. BERNAMA PIC

## 'Blood sample can show if patients can be reinfected'

**KUALA LUMPUR:** The blood samples taken from previously-infected Covid-19 patients would determine the effectiveness of the antibody three months after recovery.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said research on the blood taken from recovered patients could determine if the antibody would deteriorate or not.

"If the antibody deteriorates after three months, the patients could get infected again, suffer prolonged illness or have long-term effects on the organs," he said on the Health Ministry's Facebook.

He has called on all those who

recovered from Covid-19 to volunteer for the country's study on immunity in recovered patients.

Malaysians who were previously infected had been invited to join a medical research entitled "Longitudinal Study of Neutralising Antibody Response among Covid-19 Patients in Malaysia" by a group of researchers from the Health Ministry's National Institutes of Health's Institute for Medical Research.

He reiterated that those who came from Sabah before Sept 27 and showed symptoms were required to undergo the Covid-19 screening.

On the hospital bed capacity in Sabah, he said two additional In-

tensive Care Unit (ICU) beds would be provided to Semporna Hospital soon.

He said up to Oct 13, the ICU bed usage rate was at 57 per cent for nine Covid-19 hospitals in Sabah.

"The usage rate of 1,018 beds in the nine Covid-19 hospitals are at 71 per cent.

"The usage rate of 4,161 beds in 19 quarantine centres and low-risk areas are at 23 per cent. We place asymptomatic cases or those with low symptoms at the 19 quarantine centres and low-risk areas.

"We are also looking into the need for ventilators in Sabah, where the usage rate is at 30 per cent."



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
 MUKA SURAT : 8  
 RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

NewStraitsTimes . THURSDAY, OCTOBER 15, 2020

## 8 | NEWS / Story of the day

FIGHTING PANDEMIC

# COMMITTEE TO ENSURE VACCINE SUPPLY

Khairy says panel will ensure they are safe, have good coverage and are made available fast

VEENA BABULAL  
 KUALA LUMPUR  
 news@nst.com.my

THE cabinet has given its nod for the set-up of a committee to ensure Covid-19 vaccine supplies for Malaysia are safe, have good coverage and are made available fast.

Science, Technology and Innovation Minister Khairy Jamaluddin said the Covid-19 Vaccine Supplies Access Guarantee Special Committee would be jointly-helmed by him and Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

The committee would come up with a framework for procurement plans and vaccine distribution once it is available in the market and approved for use in Malaysia, he said yesterday.

Under it, several smaller committees with work scopes related

to the selection of the vaccine, communication, approvals, trade facilitation, finance, storage and logistics, as well as transportation and the distribution of the vaccine would be formed across multiple ministries and agencies to facilitate the implementation of the duties.

"The decision of the special committee is important to ensure early preparation is made before the vaccine supplies are accepted for use by all Malaysians," he said.

It is learnt that other members of the special committee have yet to be finalised and discussions are ongoing.

On Tuesday, Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said the government would sign a memorandum of understanding (MoU) with China to ensure Malaysia would be among the first to receive the Covid-19 vaccine from the country once it is successfully developed by year end.

He said Malaysia might get the vaccine by the end of the year.

Chinese Foreign Minister Wang Yi, during a visit to Kuala Lumpur on Tuesday, said Malaysia would be one of its priority recipients of the China-made Covid-19 vaccines.

National Institutes of Biotech-



People queuing to undergo swab tests in Petaling Jaya yesterday. PIC BY AZIAH AZMEE

nology chairman Datuk Ahmad Zaki Zahid said as pre-orders were already made by developed countries for at least 5.7 billion doses of Covid-19 vaccines, Malaysia was focusing on securing supplies that were safe and effective before addressing whether to make them available for free.

"Firstly, we need to make sure

that we get a vaccine supply that is safe and effective as the 5.7 billion doses do not include us, or less developed countries.

"We must not play second fiddle while all the vaccines go to the rich. That's unacceptable," Zaki told the *New Sunday Times*, recently.

He, however, said it was possible to provide the vaccine free

of charge, once the procurement had been "locked" as advocated by Khairy.

"If we have to pay, the price will be lower due to the volume of the vaccine. A lot of (vaccine developer) companies are not looking to make pure profit. So I think prices are going to be reasonable and will get lower as more vaccines enter the market."



Khairy Jamaluddin



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

## Comply with smoking ban, public urged

**PUTRAJAYA:** The public must comply with the smoking prohibition in addition to the standard operating procedure for Covid-19, particularly at eateries and open spaces, to prevent complications from smoking and Covid-19 infection.

"This is to ensure the welfare of oneself and those around," said Health deputy director-general (Public Health) Datuk Dr Chong Chee Kheong in his speech at the National Tobacco Control Conference 2020 held online yesterday.

Dr Chong said the World Health Organisation (WHO) had released a warning that smokers infected with Covid-19 were at a higher risk of getting serious complications.

"In the Covid-19 pandemic, the evidence suggests that smoking is associated with increased severity of diseases and death in hospitalised Covid-19 patients," he added.  
— Bernama



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

## 6 Nation

THE STAR, THURSDAY 15 OCTOBER 2020

**Covid-19: Current situation globally**

(As at 7pm Oct 14, 2020)

	Malaysia											
	New cases		Total cases		Total deaths		Total recovered					
	660		17,540		167		11,605					
Asean+	Philippines	Indonesia	Japan	China	Singapore	Myanmar	S. Korea	Thailand	Vietnam	Cambodia	Brunei	Laos
Confirmed cases	346,536	344,749	89,673	85,611	57,889	30,437	24,889	3,652	1,113	283	146	23
Deaths	6,449	12,156	1,634	4,634	28	693	438	59	35	0	3	0
Recovered	293,860	267,851	82,621	80,736	57,740	11,769	23,030	3,457	1,025	278	143	22
Global Top 10	US	India	Brazil	Russia	Spain	Colombia	Argentina	Peru	Mexico	France		
Confirmed cases	8,093,600	7,241,517	5,114,823	1,340,409	925,341	924,098	917,035	853,974	825,340	756,472		
Deaths	220,900	110,645	151,063	23,205	33,204	28,141	24,572	33,419	84,420	32,942		
Recovered	5,227,279	6,301,927	4,526,975	1,039,705	N/A	806,703	742,235	753,959	601,571	102,680		

# Bulk of cases coming from Sabah

## High numbers because of increased screenings, says Health DG

By JOSEPH KAOS Jr  
and RASHVINJEET S. BEDI  
newsdesk@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia saw more than 500 confirmed new cases for four days in a row, with 660 infections recorded yesterday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the bulk of the cases continued to be from Sabah, with 429 infections (65%).

"The high number was due to increased screening with samples taken now producing results," said Dr Noor Hisham at the briefing broadcast from his home.

Kedah has the second highest number of cases, with 113 cases, with the bulk from the Tembok cluster.

Klang Valley has 11.5% of the country's cases, with Selangor recording 68 cases, Kuala Lumpur

seven and Putrajaya one.

Six cases are imported infections - Singapore (three), Indonesia (two) and the Philippines (one).

Malaysia also discharged 233 patients, with total recoveries at 11,605 or at a rate of 66.2%.

Cumulatively, the country's total number of cases since the outbreak began in January is 17,540.

The number of people being treated at intensive care units has

reached an all-time high of 108, with 35 patients requiring ventilator support.

Four deaths were recorded, bringing the toll to 167 (1.0%).

Meanwhile, Selangor's Kencana cluster was the sole new cluster reported yesterday.

Dr Noor Hisham said the cluster had reported cases in Hulu-Langat, Petaling, Klang and Gombak in Selangor; Cheras in Kuala Lumpur,

as well as Johor Baru, Batu Pahat and Pontian in Johor.

Until yesterday, 17 positive cases have been detected in the cluster.

The index case of the cluster was discovered through screening on symptomatic individuals.

Watch the video  
TheStarTV.com





AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## 660 Covid-19 cases, four deaths reported

**PETALING JAYA:** Malaysia recorded 660 new Covid-19 cases on the first day of the conditional movement control order (CMCO) in Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya yesterday. This equals Tuesday's record as the second highest number of cases to date.

The total number now stands at 17,540, with 5,768 cases still active, Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said in a live press conference via Facebook.

He added 233 patients have been discharged while 108 are in intensive care, with 35 requiring respiratory assistance.

Four deaths have been reported, all of them in Sabah. The death toll has now risen to 167.

Sabah had the highest number of infections at 429 while Kedah had 113. There were 17 new cases in Penang while Labuan, Johor, Sarawak, Perak, Malacca and Negri Sembilan all had less than 10 cases each.

He also said one new cluster was reported, the Kencana cluster, which is connected to cases in Hulu Langat, Petaling, Klang and Gombak districts in Selangor, Cheras in Kuala Lumpur, as well as Johor Baru, Batu Pahat and Pontian in Johor.

"The index case was found positive on Oct 7 and was admitted to the Sungai Buloh Hospital. Contact tracing has found 16 more positive cases.

"A total of 23 people have been tested and two individuals are still awaiting their results," Noor Hisham said.

He urged all Malaysians to help authorities stop the spread of the virus and prevent it from getting worse.

"Society, the community and individuals must work together in this effort by following all guidelines which have been set," Noor Hisham added.